



LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

PEKELILING KETUA PENGARAH BILANGAN 7 TAHUN 2017

**PINDAAN PENETAPAN KADAR ELAUN KEPADA
PELADANG YANG MENGIKUTI PROGRAM KURSUS / LATIHAN / SEMINAR /
SIMPOSIUM / MESYUARAT / LAWATAN
SAMBIL BELAJAR DAN IMBUHAN SEBAGAI FASILITATOR
ANJURAN LPP DAN AGENSI LUAR**

1. TUJUAN

Pekeliling Ketua Pengarah ini adalah untuk memaklumkan mengenai kadar baru elaun kepada peladang yang mengikuti program kursus / latihan / seminar / simposium / mesyuarat / lawatan sambil belajar dan pemberian imbuhan kepada peladang-peladangnya yang dilantik sebagai penceramah, menerima lawatan peserta kursus dan mengendalikan latihan amali.

2. LATAR BELAKANG

Mesyuarat Lembaga Pengarah LPP Ke 246 pada 20 Februari 2017 telah menimbang kertas Bil.14/147/2000 dan meluluskan pindaan penetapan kadar elaun kepada peladang yang mengikuti program kursus / latihan / seminar / simposium / mesyuarat / lawatan sambil belajar dan pemberian imbuhan kepada peladang-peladang yang dilantik sebagai penceramah, menerima lawatan peserta kursus dan mengendalikan latihan amali seperti berikut :-

- 2.1 Dalam meningkatkan kualiti untuk menganjurkan sesuatu program latihan, pemilihan lokasi / tempat kursus dilihat sebagai salah satu pendorong. Pemilihan lokasi / tempat perlu selaras dengan keperluan kursus. Selaras dengan perkembangan ekonomi negara, tawaran yang dikenakan oleh pemilik lokasi tempat semakin meningkat.
- 2.2 Pada masa ini, penentuan harga untuk pemilihan lokasi / tempat dibuat berdasarkan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 2 tahun 2007.

3. TUJUAN CADANGAN

- 3.1 Meminda penetapan kadar elaun dan penginapan kepada peladang yang mengikuti program kursus / latihan / seminar / simposium / mesyuarat / lawatan sambil belajar.
- 3.2 Meminda imbuhan sebagai Fasilitator anjuran Lembaga Pertubuhan Peladang.

4. TAFSIRAN

- 4.1 'Ahli Peladang' adalah terdiri dari ahli Pertubuhan Peladang sama ada sebagai ahli biasa, ketua unit, pemimpin peladang, peladang jaya dan peladang usahawan.
- 4.2 'Pemimpin Peladang' adalah terdiri daripada ahli Pertubuhan Peladang yang memegang jawatan Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah dan Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang.
- 4.3 'Peladang Jaya' adalah terdiri daripada ahli Pertubuhan Peladang yang diisytiharkan sebagai pemegang di peringkat negeri atau kebangsaan sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan dalam pertandingan di bawah LPP sahaja.
- 4.4 'Peladang Usahawan' adalah terdiri daripada ahli Pertubuhan Peladang yang menyertai program pembangunan usahawan LPP/PP atau ahli yang dikenalpasti berjaya dalam projek yang diusahakan dan ada kaitannya dengan Pertubuhan Peladang dan mereka berurusniaga secara aktif dengan Pertubuhan Peladang.

5. PINDAAN KADAR ELAUN DAN PENGINAPAN

4.1 Pindaan kadar elaun dan penginapan baru adalah seperti berikut :

Bil.	Perkara	Perbezaan				Peratus Kenaikan
		Kadar Elaun Lama		Kadar Elaun Baru		
		Semenanjung Malaysia (RM)	Sabah / Sarawak (RM)	Semenanjung Malaysia (RM)	Sabah / Sarawak (RM)	
i.	Elaun Bermalam	35.00	47.00	40.00	52.00	14%
ii.	Sewaan Penginapan	80.00	92.00	100.00	110.00	8%
iii.	Elaun Tambahan Dari Rumah ke Bandar Utama (Pergi dan Balik)	Kadar Tambang Satu Tempat Duduk Teksi	Kadar Tambang Satu Tempat Duduk Teksi	Kadar Tambang Satu Tempat Duduk Teksi	Kadar Tambang Satu Tempat Duduk Teksi	
iv.	Elaun Tinggal Kerja	30.00/hari	30.00/hari	kekal	kekal	
v.	Bagi Program Kursus, Seminar Atau mesyuarat Yang Tidak Melibatkan Penginapan Peserta, Kadar Elaun 20% (Sarapan), 40% (Makan Tengahari) Dan 40% (Makan) Akan Di Bayar Daripada Jumlah Kadar Elaun Bermalam			Dihapuskan		

4.2 Pindaan Kadar Imbuhan Baru Kepada Fasilitator

Bil.	Perkara	Perkara		Peratus Kenaikan
		Kadar Elaun Lama (RM)	Kadar Elaun Baru (RM)	
i.	Penceramah			
	Peladang Jaya	100.00	150.00	15%
	Peladang Usahawan, Pemimpin Peladang, Ahli Peladang	100.00	150.00	15%
ii.	Menerima Lawatan Peserta Kursus			
	Peladang Jaya	50.00	70.00	35%
	Peladang Usahawan, Pemimpin Peladang, Ahli Peladang	50.00	70.00	35%
iii.	Latihan Amali	Secara Pakej Atas Persetujuan Bersama		

6. KURSUS / LAWATAN / SEMINAR / KONVENSYEN PELADANG / LAWATAN SAMBIL BELAJAR (LUAR NEGARA)

5.1 Kadar elaun makan dan sewa penginapan untuk peladang yang mengikuti lawatan sambil belajar keluar negara anjuran Lembaga Pertubuhan Peladang atau jabatan / agensi luar adalah mengikut kelayakan sebenar anggota sokongan 1 seperti Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2005.

7. PEMAKAIAN DAN PELAKSANAAN

- 6.1 Pemakaian dan pelaksanaan prosedur pembayaran elaun ini hendaklah meliputi semua peringkat iaitu samada Bahagian-bahagian di Ibu Pejabat yang mengawal vot, LPP Negeri mahupun Pertubuhan Peladang.
- 6.2 Pemakaian dan pelaksanaan pekeliling ini meliputi LPP Negeri Sabah dan Sarawak kerana program kursus / seminar / konvensyen / lawatan sambil belajar juga melibatkan penyertaan peladang dari negeri-negeri berkenaan ke semenanjung dan sebaliknya

8. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Ketua Pengarah ini, Surat Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 2 Tahun 2007 adalah dibatalkan

9. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Ketua Pengarah ini adalah berkuatkuasa mulai **1 Mac 2017**.

Sekian, terima kasih.


(DATO' HJ. MOHD SALIM BIN HJ.TAHA)

Ketua Pengarah

Lembaga Pertubuhan Peladang

10 Julai 2017

Edaran Kepada :

- Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan
- Timbalan Ketua Pengarah Operasi
- Pengarah – Pengarah Bahagian
- Pengarah Unit Integriti
- Pengarah – Pengarah LPP Negeri
- Ketua Cawangan Audit Dalam
- Ketua Cawangan Undang – Undang
- Presiden Persatuan Pegawai – Pegawai Kanan LPP Semenanjung Malaysia (PEKA)
- Yang Dipertua Kesatuan Kebangsaan Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi LPP Semenanjung Malaysia (KEPELADANG)
- Yang Dipertua Kesatuan Pembantu Ehwal Ekonomi LPP Semenanjung Malaysia (KELADANG)
- Yang Dipertua Kesatuan Kakitangan Akaun/Audit Semenanjung Malaysia (KESADA)
- Yang Dipertua Kesatuan Kakitangan Pentadbiran LPP Semenanjung Malaysia (KETADBIR)
- Yang Dipertua Kesatuan Penolong Jurutera LPP Malaysia (KETEKNIK)
- Yang Dipertua Kesatuan Kakitangan LPP Negeri Sabah (KESABAH)

